

Seni dan budaya dalam industri

UB 27.10.2019 15

KOTA KINABALU: Creative Art Team (C.A.T) yang dikendalikan oleh pelajar-pelajar program Seni Kreatif mengadakan satu program Bicara Orang Seni (B.O.S) pada minggu ini.

Topik B.O.S kali ini adalah "Seni Budaya dalam Industri". Majlis ilmu ini diadakan di Theatrette Ahmad Nisfu (TAN) Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah pada 23 Oktober 2019. B.O.S merupakan acara mingguan yang diadakan pada setiap hari Rabu sepanjang semester.

Di samping B.O.S, pelajar-pelajar seni turut mengadakan jualan di perkarangan foyer Blok Seni FKSW yang juga dikenali sebagai Bazaar Seni.

Program itu mendapat sambutan yang baik daripada kalangan pelajar dan pensyarah seni dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan.

Kehadiran pelajar dan pensyarah dianggarkan seramai 100 orang dan memenuhi ruangan mini auditorium TAN.

B.O.S kali ini dikunjungi oleh Jasmi Rasit, Pengarah daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah (JKKNS).

Beliau juga adalah salah seorang alumni UMS dalam bidang Seni Kreatif dan lebih

menarik lagi beliau adalah pelajar kemasukan pertama program Seni Kreatif.

Babit pengalaman beliau sepanjang menjadi pelajar dan ruangan industri yang pernah diceburi beliau turut dikongsikan bersama dalam program itu.

Moderator Profesor Madya Dr Humin Jusilin mengepalai perbicaraan dalam menyediakan soalan-soalan berkaitan untuk mendapat respon dari panel bicara.

Topik perbicaraan kali ini lebih menarik dibawakan oleh moderator kerana ia membabitkan ruangan para pelajar, hak penggiat seni dan hala tuju pelajar setelah tamat pengajian.

Antara persoalan yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan modal atau pembayaran mengikut tahap pendidikan.

Salah seorang pensyarah daripada Program Seni Kreatif dalam kluster tarian iaitu Sharip Zainal Sagkif Shek telah mengajukan soalan mengenai pembayaran yang tidak relevan dan menggunakan alasan yang tidak munasabah jika para pelajar teribat dalam sesuatu program atau persebahan.

Majoriti masyarakat tempatan memandang remeh akan perkara ini dan meletekkan seni persebahan di paras yang rendah.

Disebabkan itu, ramai yang



HADIRIN: Antara peserta yang hadir dalam BOS pada minggu ini.

dikenakan bayaran.

Akan tetapi jika iaanya adalah untuk persebahan umum atau bukan dari tujuan pembelajaran, maka pembayaran adalah wajib diberikan" – Kata Jasmi Rasit Pengarah JKKN, Sabah.

Perbicaraan beliau disambut dengan idea serta cadangan daripada Timbalan Dekan FKSW, Dr. Muhd Puad Bebit berkata "Pembayaran pula mestilah bergantung kepada beberapa aspek antaranya ialah tahap pendidikan serta pengalaman yang diperoleh."

Majoriti masyarakat tempatan memandang remeh akan perkara ini dan meletekkan seni persebahan di paras yang rendah.

Disebabkan itu, ramai yang

meminta bayaran murah daripada penggiat seni sama ada aktivis maupun pelajar-pelajar.

Seni adalah satu perkara yang perlu dihayati, dinikmati dan dihargai. Seni tidak hanya tempelan kepada sesebuah acara bagi memenuhi tentatif atau atur cara sesebuah program.

Rata-rata rakyat Malaysia terutamanya tidak memahami akan hal ini dan menyebabkan ia menular sehingga sesetengahnya menyifatkan seni sekadar hiburan dan tidak memberi apa-apa impak kepada khalayak.

Perbicaraan sedemikian sedikit sebanyak berjaya membuka mata dan minda pelajar dan ahli akademik lain.

Perbicaraan lanjutan akan diadakan lagi dan akan menjemput lebih ramai ahli-ahli korporat tertutamanya dalam usaha membangkitkan isu bayaran untuk sesebuah persebahan.

Jasmi juga berbesar hati untuk hadir lagi dalam berkongsi pandangan mengenai isu industri seni bersama pelajar, pentadbir dan ahli akademik.

Anjuran program itu mendapat maklum balas yang positif terutamanya daripada kalangan pelajar dan pensyarah dalam membangkitkan isu kebudayaan dalam industri kini.

Beliau berpendapat soalan-soalan yang diajukan kepada beliau sangat relevan dengan



CENDERAMATA: Prof Madya Dr Mohd Fuad Bebit menyampaikan cenderamata kepada Jasmi Rasit.

topik yang dibicarakan. Beliau juga meluahkan rasa berpuas hati dengan program yang dianjurkan. (Artikel sumbang-sangan Haifa (pelajar tahun 2 seni kreatif UMS).